



GARIS PANDUAN LESEN PERNIAGAAN DI GERAJ PASAR

1. KEBERSIHAN :

- i. Membersihkan gerai dan kawasan sekitarnya pada setiap masa terutama selepas waktu perniagaan.
- ii. Memastikan semua jenis sampah / hasil buangan dari perniagaan dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang ke dalam tong sampah. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan .
- iii. Sampah yang telah diikat di dalam karung plastik hendaklah dikumpulkan di satu tempat yang boleh diambil oleh kontraktor yang dilantik pada masa yang ditetapkan. Sila pastikan masa dengan kontraktor yang dilantik bagi mengelakkan orang ramai (selain peniaga) menjadikan tempat mengumpul sampah pasar sebagai tempat pelupusan sampah awam.

2. GERAI-GERAI :

- i. Dilarang menyewakan atau membenarkan orang lain menjalankan perniagaan di gerai pasar yang ditawarkan.
- ii. Dilarang mengubahsuai dan menyambung mana-mana bahagian gerai dan bangunan.
- iii. Hendaklah menggunakan ruang di gerai sahaja dan tidak menyebabkan halangan ke atas laluan dan kemudahan-kemudahan awam di sekitar kawasan pasar.
- iv. Bagi gerai menjual ayam hanya dibenarkan menjual ayam sahaja. Aktiviti menyembelih dan memproses ayam di dalam pasar adalah dilarang.

3. KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA :

- i. Dilarang menggunakan petak letak kereta untuk kenderaan perniagaan (lori, van dan lain-lain) kecuali bagi tujuan pemunggahan barang.

4. PERATURAN-PERATURAN :

- i. Hendaklah sentiasa memberikan kerjasama kepada mana-mana pegawai / kakitangan Majlis Perbandaran yang menjalankan tugas di gerai-gerai pasar.
- ii. Mematuhi arahan Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.